

25
TAHUN
1999-2024
UITM SEBUAH UNIVERSITI



اوتيم تكنولوجي مارا
**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

Cawangan Selangor
Kampus Sungai Buloh
Selayang & Teluk Intan

BULETIN CITRA

Edisi JANUARI JUN 2024

**KOLEJ KEDIAMAN
UITM KAMPUS SUNGAI BULOH,
SELAYANG & TELUK INTAN.**

eISSN 2821-3602



9 772821 360007



MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN

Pelapor: Mohammad Shameer Ihaping, Mohamad

FESKARA ERATKAN SILATURAHIM.

Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh & Selayang buat julung kalinya telah berjaya menganjurkan Program Festival Sentuhan Kasih Ramadhan (FESKARA) dan Majlis Iftar Perdana bagi meraikan Penghuni Rumah Anak-Anak Yam Teratak Che Dah, Rawang.



Festival Sentuhan Kasih Ramadhan tersebut telah berlangsung dari 20 Mac Sehingga 30 Mac iaitu selama 10 Hari di dalam bulan Ramadhan yang mulia ini. Dalam tempoh masa tersebut, pelbagai program telah dijalankan dan kesemua program ini telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya oleh Ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh & Selayang dengan kerjasama daripada kelab-kelab yang terdapat di kampus ini.



TUTUPAN & IFTAR PERDANA

Adnan Akmal Mohd Ashari, Nur Saadiah Hafidz



FESKARA PERTAMA DALAM SEJARAH.

Melalui program Pallet Perks: Buy N Donate (Ramadan Edition), pihak JPK telah berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM 5,000.00 melalui jualan amal dan kutipan daripada warga UiTM sendiri. Sumbangan tersebut telah diserahkan kepada Penghuni Rumah Anak Yam Teratak Che Dah dalam majlis penutup FESKARA tersebut oleh YBrs. Profesor Dr. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor (HEP) Universiti Teknologi MARA sendiri.

Program FESKARA adalah suatu inisiatif yang buat julung kalinya diadakan oleh pihak JPK sendiri bagi memperingati bulan Ramadhan yang barakah ini dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat dan berimpak tinggi dalam kalangan warga UiTM sendiri. Justeru, program FESKARA ini telah memberikan banyak manfaat bukan sahaja kepada warga UiTM sendiri malahan kepada masyarakat setempat juga.

